

Pergolakan MCA tidak serius seperti dialami UMNO 1987

25 DEC 2001

KUALA LUMPUR 24 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pergolakan dalaman yang sedang melanda MCA tidak sebegitu serius seperti yang dialami oleh UMNO pada tahun 1987.

Sehubungan itu, beliau yang juga Presiden UMNO yakin kumpulan yang berkrisis dengan kepimpinan MCA tidak akan mengambil jalan keluar dengan menubuhkan sebuah parti baru.

"Ia tidak akan sampai kepada pembentukan kumpulan serpihan yang akan menubuhkan parti lain.

"Saya sudah bercakap dengan mereka. Mereka semua setia kepada Barisan Nasional (BN), cuma ada sedikit masalah peribadi di kalangan mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Galeri Tun Ismail Mohamed Ali di Plaza Permodalan Nasional Berhad (PNB), Jalan Tun Razak di sini hari ini.

Beliau ditanya pandangannya sama ada pergolakan dalaman MCA menyamai krisis kepimpinan UMNO pada 1987 sehingga UMNO diharamkan oleh Mahkamah Tinggi setahun selepas itu.

Malah krisis yang dila-

lui oleh UMNO pada masa itu tambah memeritkan apabila kumpulan yang tidak sehaluan dengan kepimpinan parti menubuhkan Parti Melayu Semangat 46 (S46).

Dr. Mahathir juga mengulangi kenyataannya semalam bahawa krisis yang sedang dihadapi oleh MCA itu tidak akan menjejaskan persiapan BN untuk menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan, Perlis.

Tegasnya, krisis parti komponen kedua terbesar BN itu cuma 'masalah tempatan' dan BN yakin mampu menyelesaikannya.

Dr. Mahathir turut menepelak parti pembangkang yang gemar mengaitkan masalah dalaman parti komponen BN untuk meraih sokongan pengundi.

"Apa yang dia (pembangkang) boleh tawarkan selain memperkatakan mengenai keburukan orang lain.

"Kita nak bertanding, kita kena beri caranya bagaimana hendak memperbaiki keadaan dan bukannya nak kaitkan dengan orang lain punya masalah," katanya.

Krisis dalaman MCA memuncak ekoran keputusan Jawatankuasa Pusat

(CC) MCA menggantung jawatan Ketua Pemuda, Datuk Ong Tee Keat dan 46 anggota CC Pemuda parti itu, Khamis lalu.

Dengan keputusan itu, CC MCA menubuhkan jawatankuasa khas yang dianggotai oleh tiga veteran MCA untuk mengambil alih fungsi dan peranan CC Pemuda.

Ekoran penggantungan itu juga, Ong bersama-sama 'team B' yang diketuai oleh Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek mengambil langkah untuk mengadakan rapat umum ke seluruh negara bagi memperjelaskan keadaan yang berlaku.